



## **FARIZ AZMIR MOHD GHAZALI**

### **LATAR BELAKANG**

Beliau memiliki kelulusan dalam Sijil Teknologi Multimedia di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Sijil Kemahiran Malaysia dalam 3D Operasi Sokongan Pengeluaran Tahap 3, Ijazah Sarjana Muda Seni Lukis dan Seni Reka dalam Tekstil, dan Ijazah Sarjana *Multimedia Design* di *Monash University* pada tahun 2004.

Setelah beliau menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1998, beliau memulakan kerjayanya dalam bidang seni sebagai seorang pereka grafik di sebuah syarikat pengurusan acara. Dari sini beliau mula menimba ilmu dan pengalaman dalam bidang penerbitan *desktop*. Setelah dua tahun, beliau kembali dalam mempelajari ilmu multimedia dan beliau telah didedahkan dengan teknologi animasi.

Beliau memulakan kerjaya di dalam bidang animasi sebagai seorang juru animasi 3D di sebuah syarikat *post production* di mana beliau telah menimba pengalaman dan ilmu bukan sahaja daripada tunjuk ajar rakan sekerja malah pengarah seni, jurukamera, dan pengarah filem komersial. Selama dua tahun beliau bukan sahaja terlibat di dalam menghasilkan iklan tetapi juga dalam penghasilan video korporat, video muzik, dan kesan khas visual bagi filem.

Setelah melanjutkan pengajiannya ke peringkat Ijazah Sarjana pada tahun 2004, beliau mula menjadi tenaga pengajar dalam bidang grafik dan multimedia di *KBU*

*College*, Bandar Utama pada tahun 2006. Pada awalnya, beliau hanya bertindak sebagai Penyelia bagi pelajar tahun akhir yang kemudiannya dilantik sebagai Koordinator bagi program Diploma Multimedia di *KBU College*.

Setelah dua tahun, beliau kembali semula ke dalam industri untuk mengarah kartun animasi 3D bersiri yang diterbitkan di Radio Televisyen Malaysia (RTM). Selain bidang pengarahannya, beliau juga berpeluang untuk mengembangkan ideanya ke dalam bidang mereka cipta, penulisan skrip dan membuat papan cerita.

## **PENCAPAIAN**

Setakat ini, beliau telah mengarah hampir 130 episod di dalam kartun 3D Animasi di mana beliau juga berpeluang untuk menerbitkan dan menjadi pengarah bersama dalam sebuah siri animasi terbitan Taiwan sebanyak 26 episod.

Karya pengarahannya turut tercalon di dalam kategori *Best Animation* dalam Anugerah *NEF-AWANI ICT AWARD* pada tahun 2011 iaitu siri Haiya BidDoa. Beliau turut menjadi ahli aktif bagi Persatuan Animasi Malaysia (ANIMAS) sehingga kini.

Kini, beliau telah menjadi Pensyarah dan Dekan Fakulti Animasi dan Multimedia ASWARA sejak tahun 2015.



*Episod Haiya BidDoa*

# HaiyaBidDoa animasi pembelajaran Islamik

HARIAN METRO 12 JAN 2012



**NEF-AWANI**  
ICT AWARDS 2011



**MENARIK...**Fariz (kiri) menunjukkan watak animasi HaiyaBidDoa.

**A**NIMASI berbentuk Islamik yang memakan masa satu minit setiap episod menjadi kekuatan syarikat Tulus Fikir Animastion Sdn Bhd (TFA) untuk bersaing dalam industri animasi di negara ini.

TFA yang ditubuhkan sejak 2006 bermatlamatkan penghasilan animasi berunsur

pembelajaran, mula memperlihatkan produk mereka, HaiyaBidDoa di laman facebook mereka, <http://www.facebook.com/HaiyaBidDoa>.

Pengarah Animasinya, Fariz Amir Mohd Ghazali berkata, TFA sudah menghasilkan 104 episod berbentuk tiga dimensi (3D) yang mampu memberi pendekatan ber-

beza kepada kanak-kanak.

Menurut Fariz, TFA dicituskan melalui inspirasi syarikat animasi dan FX, Digilogic (M) Sdn Bhd yang mempunyai pengalaman luas dalam pembikinan keson khas serta animasi untuk iklan, dokumentari, video korporat dan video muzik.

"Selepas beberapa lama

bertapak, kami terpanggil menghasilkan sesuatu yang membantu pembangunan insan hingga kami menceburi bidang animasi 3D bersiri," katanya.

Katanya, TFA ditubuhkan untuk menumpukan perhatian penuh dalam bidang animasi 3D bersiri, berbeza dengan penghasilan animasi berskala besar yang memerlukan kos tinggi.

"Tapi kami mendapat peluang bekerjasama dengan syarikat Taiwan bagi pembikinan produk animasi 15 minit untuk setiap episod dan mengikat perancangannya, sejumlah 26 episod akan diterbitkan," kata Fariz.

Syarikat terbabit juga kini menunggu maklum balas syarikat televisyen tempatan untuk menyiarkan animasi mereka selepas mendapat input positif mengenai kualiti animasi mereka.

*Siri animasi arahan Fariz Ghazali mendapat liputan akhbar.*